

Pemimpin selami hati rakyat dikagumi

Utama pendidikan, tuntutan keperluan hidup

Ketokohan seorang pemimpin dapat dilihat daripada kemampuannya memenuhi amanah dan menyampaikan nasihat kerana kedua-dua sifat ini berkaitan dengan keadaan kehidupan masyarakat yang dipimpinnya.

Pemimpin yang memahami serta dapat merasai apa dilalui rakyat adalah pemimpin yang sangat diimpikan. Jika ada pemimpin yang sangat berkira menemui rakyat, apatah lagi berada dalam kesusahan, maka mereka bukanlah pemimpin yang boleh menyampaikan nasihat.

Kedua-dua sifat inilah yang sangat menonjol pada kepemimpinan Nabi Soleh sehingga kepemimpinannya dapat dijadikan sebagai acuan bagi pemimpin berikutnya. Kesungguhan mengamalkan sifat itu membuatnya mendapat pujian Allah SWT sehingga Baginda dan pengikutnya diselamatkan Allah SWT daripada kehinaan.

Pujian dan sanjungan seperti yang

diperoleh Nabi Soleh tidak mustahil dapat dirasai pemimpin yang ada sekarang, selama kebijaksanaan yang dilakukannya benar-benar memihak kepada kepentingan rakyat.

Nabi Muhammad dikagumi

Astrofizik terkenal dan penulis sejarah, Michael H Hart, mengundang pelbagai kontroversi akibat tulisannya yang sangat kritis mengenai 100 pemimpin berpengaruh meletakkan

“

Hak dan tanggungjawab kepada rakyat yang mesti diutamakan ialah dalam bidang pendidikan dengan memperluaskan pemahaman ilmu naqli, aqli serta tasawwur Islam kepada masyarakat”

kepemimpinan Nabi Muhammad SAW sebagai yang paling berpengaruh dalam sejarah ketamadunan manusia.

Hak dan tanggungjawab kepada rakyat yang mesti diutamakan ialah dalam bidang pendidikan dengan memperluaskan pemahaman ilmu naqli, aqli serta tasawwur Islam kepada masyarakat.

Banyak institusi pendidikan hari ini yang memperkenalkan silibus pengajian menggabungkan bentuk pengajian tradisi dan kontemporari, mendedahkan ilmu wahyu serta sular kepada pelajar supaya mereka mudah membuat perbandingan antara kekuasaan Allah SWT dan kebijaksanaan manusia.

Kerajaan perlu memperbanyakkan peluang pendidikan secara bersepadu di semua peringkat pengajian selain memantapkan penguasaan bacaan al-Quran.

Dalam aspek ekonomi, kepentingan rakyat ialah untuk diperluas-

kan potensi pengeluaran produk tempatan halal bertaraf antarabangsa bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah, mencukupkan keperluan hidup mereka, memperkemas keupayaan sistem muamalah Islam dalam industri perbankan.

Dari segi sosial, kerajaan yang adil dan amanah perlu memperkemas pusat khidmat sosial, pusat pembangunan keluarga Islam, institusi perlindungan untuk ibu tunggal, anak yatim, wanita teraniaya, memperkukuhkan peranan institusi masjid, keluarga dan masyarakat.

Galak budaya berlandas syariat Islam, moral

Dari segi budaya, kerajaan yang memerintah dengan adil dan amanah perlu menggalakkan budaya yang sesuai dengan nilai ketamadunan unggul. Di negara ini, sudah tentulah budaya yang paling sesuai ialah yang tidak bertentangan dengan syariat Islam dan moral.

Budaya hedonisme yang tidak bertamadun perlu dijauhi dan dijadikan sempadan dalam memastikan pengaruh budaya diterapkan oleh rakyat adalah yang terbaik dari sisi agama.

Selain itu, pemimpin juga perlu menerapkan nilai murni dalam sukan, seni serta memperluaskan budaya murni sedia ada seperti amalan gotong-royong dan ziarah. Pemimpin dikagumi ialah yang memberi manfaat kepada rakyatnya.



NIK SALIDA SHUHAILA